

## SINONIM (KATA SEERTI)

Berikan Sinonim ( kata seerti ) bagi setiap perkataan bergaris di bawah ini.

1. Ayah membeli sebuah perahu ( \_\_\_\_\_ ) untuk menangkap ikan.
2. Sekarang kita berada dalam abad ( \_\_\_\_\_ ) kedua puluh satu.
3. Apabila membuat kerja jangan menunggu ( \_\_\_\_\_ ) arahan daripada sesiapa.
4. Hujan yang turun sepanjang hari menyebabkan beberapa kawasan di tanah rendah mengalami bah ( \_\_\_\_\_ ).
5. Negara yang aman itu sentiasa dikunjungi ( \_\_\_\_\_ ) pelancong.
6. Cikgu Rohana tidak dapat membezakan murid kembar di Tahun 2A kerana rupa ( \_\_\_\_\_ ) mereka seiras.
7. Muhammad Firdaus mempunyai ramai teman ( \_\_\_\_\_ ) kerana sikapnya yang peramah dan baik hati.
8. Masakan ibu sungguh enak ( \_\_\_\_\_ ) dan selalu dipuji ayah.
9. Ibu semakin resah ( \_\_\_\_\_ ) kerana abang belum pulang lagi walaupun sudah larut malam.
10. Bendera itu menjadi lambang ( \_\_\_\_\_ ) kedaulatan Negara Brunei Darussalam.

### ANTONIM ( KATA BERLAWAN)

Beri Antonim ( kata berlawanan) bagi setiap perkataan bergaris di bawah.

1. Buah yang \_\_\_\_\_ rasanya manis, tetapi yang mentah rasanya masam.
2. Kedai itu jauh dari rumah saya tetapi \_\_\_\_\_ dengan sekolah kami.
3. Kawasan ini tempat larangan, oleh itu orang ramai dilarang \_\_\_\_\_ atau keluar tanpa kebenaran.
4. Pilihlah barang-barang asli. Jangan pilih barang-barang \_\_\_\_\_.
5. Isterinya memasak di dapur dan \_\_\_\_\_nya sedang membaca surat khabar.
6. Jika teh itu \_\_\_\_\_, tambahkan air supaya rasanya tawar.
7. Awangku Tajuddin seorang biduan terkenal di Negara Brunei Darussalam sementara isterinya Dayang Norsiah pula seorang \_\_\_\_\_.
8. Sejak dia mengamalkan petua itu, kepalanya yang botak kini sudah \_\_\_\_\_.
9. Kita dianjurkan makan sayur-sayuran \_\_\_\_\_ dan elakkan makan sayur-sayuran yang sudah layu.
10. Baginda mempunyai seorang putera yang tampan dan tiga orang \_\_\_\_\_ yang jelita.